

BAB III

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan strategi dan kaedah kajian seperti pemilihan sampel, tempat, alat-alat kajian dan cara pemarkatan data-data, prosedur dan proses pengumpulan data, serta prosedur dan analisis data yang digunakan.

3.1 Reka bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik. Alat yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah Ujian Self Directed Search Form E (SDS-E) yang telah dicipta oleh John L.Holland (1974) dan telah diterjemahkan dan diadaptasikan ke dalam versi Bahasa Melayu oleh Amla (1984, 1987)

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti minat kerjaya pelajar-pelajar di luar bandar khususnya di kawasan FELDA. Kajian ini juga cuba melihat perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya antara pelajar mengikut jantina, aliran pengajian dan tahap pencapaian akademik.

3.2 Sampel Kajian

Sampel terdiri daripada seramai 123 orang pelajar Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan di sebuah Felda. Sampel terdiri daripada anak-anak peneroka Felda yang mendiami kawasan tersebut. Berikut ialah analisis taburan sampel mengikut jantina dan aliran pengajian.

Jadual 3.1 : Bilangan Pelajar Mengikut Jantina dan Aliran Pengajian

	Sains	Kemanusiaan	Jumlah
Perempuan	33	34	67
Lelaki	19	37	56
Jumlah	52	61	123

3.3 Alat Kajian

Self - Directed Search - Form Easy (SDS -E) edisi bahasa Melayu yang telah diubah suai dan diterjemahkan oleh Amla telah dipilih untuk kajian ini (Lampiran E). Pemilihan SDS-E sebagai alat kajian adalah berdasarkan kepada beberapa sebab berikut:

1. Alat ini telah sedia diubah suai dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu mengikut kaedah yang ditetapkan, dan diuji keesahannya (Amla, 1984, 1987; Amla dan Subahan, 1991; Tan, 1989);
2. Bahasa yang digunakan adalah mudah dan ringkas

3. Ia dapat mengukur jenis dan pola personaliti. Beberapa kajian yang dijalankan di pelbagai negara menyokong kenyataan ini (Crowley,1979; Athanason,1982, Erlianto,1982; Amir 1975; Amla,1984; 1987; Amla dan T.Subahan,1991);
4. Alat ini mudah ditadbirkan (Cummings,1985; Maddux dan Cumming,1986; Holland 1977, 1985a; Amla,Mizan Adliah 1998);
5. Alat ini juga mudah dimarkatkan sama ada secara manual ataupun komputer dan boleh dibuat tafsiran sendiri dan
6. Kandungan dan struktur SDS dan SDS -E tidak terikat sepenuhnya kepada budaya Amerika Syarikat (Holland 1977;1979;1985a).

Dalam beberapa ujian- ujian yang pernah dilakukan, Holland (1985a) mendapati kebolehpercayaan skala-skala SDS adalah berada pada .31 hingga .87 bagi pelajar-pelajar perempuan sekolah tinggi; dan .60 hingga .84 untuk pelajar-pelajar kolej atau universiti.

Amla (1984) pula memperoleh julat bagi pekali korelasi pada setiap skala adalah dari .85 hingga .97 dan nilai keseluruhan bagi pekali korelasi ialah .90. Selanjutnya Amla (1984) mendapati wujudnya korelasi yang tinggi di antara SDS-E versi Bahasa Melayu. Alat SDS-E bahasa Melayu mampu mempertahankan ciri-ciri asas yang terdapat di dalam alat SDS - E asal (Amla, 1984).

Item-item dalam alat SDS-E tergolong kepada 3 aspek utama, iaitu kesukaan, kecekapan dan pekerjaan untuk setiap skala (Realistik, Intelektual, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional). Skala-skala dan item-itemnya sebanyak 180 item diatur seperti berikut :

a) Aspek Kesukaan

Enam skala dengan 10 item tiap-tiap satu menjadikan 60 item semuanya. Subjek dikehendaki menandakan (✓) pada perkara-perkara yang disukai atau yang tidak disukai olehnya pada ruang yang disediakan.

Contoh seperti berikut:

	Y	T
1. Membaiki alat elektrik	_____	_____
2. Bekerja di makmal	_____	_____

b) Aspek Kecekapan

Enam skala dengan 10 item tiap-tiap satu, menjadikan 60 item semuanya. Subjek dikehendaki menandakan (✓) pada aktiviti yang diketahui dan boleh dilakukan oleh mereka.

Contohnya:

	Y	T
1. Memperbaik kerosakan elektrik yang mudah	_____	_____
2. Menggunakan jadual Logaritma	_____	_____

c) Aspek Pekerjaan

Enam skala dengan 10 item tiap-tiap satu, menjadikan 60 item semuanya.

Subjek dikehendaki menandakan (✓) pada pekerjaan yang diminati oleh mereka atau sebaliknya pada ruangan yang disediakan. Contohnya:

	Y	T
1. Mekanik kapal kargo	_____	_____
2. Ahli fizik	_____	_____

Pemarkatan SDS-E adalah berpandukan kepada arahan manual SDS-E (Holland,1973). Semua skala RIASEK dimarkatkan dengan cara menjumlahkan semua respons 'Y'. Untuk setiap respons 'Y' diberikan skor 1, sementara bagi respons 'T' diberikan skor 0. Skor-skor ini diproses menggunakan komputer. Proses pemarkatan setiap skala bagi mendapatkan profil dan pola minat kerjaya dibuat dengan cara yang berikut:

1. Skala - skala bagi setiap sampel dikategorikan mengikut sub-skala dan dijumlahkan seperti berikut. Contoh:

$$R = \text{Kesukaan -R} + \text{Kecekapan -R} + \text{Pekerjaan - R}$$

$$I = \text{Kesukaan -I} + \text{Kecekapan -I} + \text{Pekerjaan - I}$$

$$A = \text{Kesukaan -A} + \text{Kecekapan -A} + \text{Pekerjaan - A}$$

$$S = \text{Kesukaan -S} + \text{Kecekapan - S} + \text{Pekerjaan - S}$$

$$Ku = \text{Kesukaan -Ku} + \text{Kecekapan - Ku} + \text{Pekerjaan - Ku}$$

$$K = \text{Kesukaan -K} + \text{Kecekapan - K} + \text{Pekerjaan - K}$$

2. Skor-skor yang diperolehi disusun mengikut pangkatan skor tertinggi dan terendah untuk mendapatkan sampel kajian dengan menggunakan kaedah kuantitatif (Holland ,1985a). Jadual di bawah menunjukkan contoh skor-skor itu disusun dan dirumuskan mengikut kod 3- huruf.

Jadual 3.2 : Contoh Pengiraan Skor kasar Skala dan Sub - Skala SDS -E

Sub - skala	Skala_ - skala					
	R	I	A	S	Ku	K
Kesukaan	1	3	4	9	9	6
Kecekapan	2	5	8	7	7	3
Pekerjaan	2	4	5	9	8	6
Jumlah skor	5	12	17	26	24	15

Oleh itu , keseluruhan profil di dalam jadual di atas bolehlah dirumuskan mengikut pangkatan skor tertinggi dan terendah ialah SEAKIR. Rumusan yang boleh dibuat ialah skala Sosial (S) adalah paling dominan dan diikuti oleh skala Enterprising (E), Artistik (A), Investigatif (I) dan akhir sekali Realistik (K). Kod 3 huruf daripada pola personaliti yang dapat dirumuskan daripada contoh di atas ialah 'SEK'. Sekiranya berlaku 'tie' antara dua atau lebih skala-skala , maka kedudukan nilai 'inter' dan 'intraclass' yang terdapat pada model hexagon Holland (Rajah 1) dirujuk untuk membentuk kod-kod huruf seterusnya.

3.3 Prosedur Kajian

Sebelum kajian dijalankan, kebenaran bertulis telah diperolehi daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Selanjutnya kebenaran bertulis daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD, Lampiran 1). Kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor Darul Takzim (Lampiran 2) diperolehi untuk mendapatkan kebenaran bagi menjalankan kajian di salah sebuah sekolah menengah di kawasan Felda di negeri tersebut. Kebenaran diperolehi daripada pengetua sekolah berkenaan bagi menjalankan kajian pada tarikh yang sesuai dengan pihak sekolah. Mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan, kajian dilaksanakan di sekolah berkenaan terhadap semua pelajar tingkatan 4.

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dijalankan sendiri oleh pengkaji dan dibantu oleh guru kaunseling sekolah berkenaan. Kajian ini telah dilaksanakan pada 20 Mac 2000 di sebuah sekolah menengah yang terletak di kawasan Felda, di Negeri Johor Darul Takzim. Kajian yang dilaksanakan menggunakan alat ujian SDS-E. Pelaksanaan kajian dilakukan oleh pengkaji dibantu oleh guru kaunseling sekolah tersebut. Satu taklimat ringkas mengenai urusan pentadbiran telah diberikan kepada guru kaunseling. Sesi selama sejam diberikan kepada pelajar untuk menjawab soal selidik tersebut. Semasa pelajar menjawab soal selidik tersebut, mereka dibenarkan membuat pertanyaan pada mana-mana istilah yang kurang difahami agar jawapan yang ditanda itu benar-benar menepati minat kerjaya mereka. Pelajar-pelajar menyerahkan kembali soal selidik kepada pengkaji pada akhir sesi tersebut.

3.6 Analisis Data

Semua data daripada soal selidik diproses dengan menggunakan program SPSS dan dianalisis dengan menggunakan ujian-ujian statistik tertentu. Dua statistik telah digunakan, iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif, iaitu frekuensi dan peratusan digunakan bagi mengukur pola minat kerjaya bagi skala-skala Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Keushawanan (Ku), Konvensional (K). Statistik inferensi yang digunakan ialah Kaedah Tabulasi Menyilang, iaitu khi kuasa dua digunakan untuk menganalisis soalan-soalan kajian.